

24 APR 2001

Puteri-Amal (Bergambar)

PUTERI UMNO LIBATKAN DIRI DENGAN KERJA AMAL

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Dua anggota Puteri Umno hari ini membuktikan politik juga merupakan medan terbaik untuk mereka menyumbangkan khidmat bakti setakat yang terdaya kepada mereka yang memerlukan.

Syarifah Shahirah Syed Sheikh, 25, dan penyanyi Adilla telah merakamkan puisi untuk dinikmati oleh golongan istimewa seperti orang buta. Pita rakaman itu akan disimpan di perpustakaan Kompleks Persatuan Orang-orang Buta Malaysia (MAB) di Brickfields di sini.

Syahirah mengambil masa kira-kira dua jam untuk membaca novel Saga Dua karya Datuk A. Samad Said yang diterjemah ke dalam tulisan braille oleh seorang pekerja perpustakaan MAB, Ahmad Abdullah.

Syahirah, yang berasal dari Alor Setar, Kedah kini bertugas secara sambilan sebagai penyelarass projek di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) setelah tamat pengajian dalam jurusan sains politik di universiti itu.

"Sudah lama saya ingin terlibat dalam aktiviti sebegini, jadi bila aktiviti dari projek usahasama Puteri Umno dan Biro Tindakan Sivil (BTS) Umno diadakan saya tidak melepaskan peluang untuk bersama-sama membantu," katanya.

Sementara itu, Pengurus Khas Projek Ahmad Rizal Abd Rahman yang juga Pegawai Khas Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman berkata projek itu bagi meningkatkan kesedaran masyarakat Melayu yang nampak masih kurang aktif dalam kegiatan amal di negara ini.

"Tujuan kita ialah untuk beri kesedaran di kalangan masyarakat Melayu yang dilihat amat kurang dalam membantu golongan kurang upaya di negara ini walaupun kesedaran itu agak terlewat," katanya kepada Bernama.

"Kebanyakan golongan yang terlibat dalam aktiviti sukarela sebegini biasanya terdiri daripada kaum lain dan amat kurang penyertaan daripada kaum Melayu. Buktinya di MAB sendiri," katanya.

Katanya BTS yang dipengerusikan oleh Azalina kini giat mengadakan kempen untuk menarik penyertaan ahli dan bukan ahli dari pelbagai kerjaya seperti artis, golongan pemimpin, dan juga pelajar.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga akan datang ke sini (perpustakaan MAB) bulan depan untuk turut sama merakamkan suaranya membaca buku cerita yang akan digunakan oleh mereka yang cacat penglihatan ini.

"Ia juga sebagai sokongan Perdana Menteri kepada projek ini.

"Setakat ini projek ini boleh dikatakan agak berjaya kerana kira-kira 70 orang telah mendaftar dan sekurang-kurangnya seorang akan diminta hadir untuk membacakan novel dan puisi setiap hari," katanya.

Pendaftaran masih terbuka kepada semua golongan dan borang boleh didapati di BTS Umno Malaysia, Paras 3, Pusat Penjaja Sukom, Jln SS3/39, Seri Setia.

Mereka yang berminat untuk menjadi sukarelawan boleh menghubungi Ahmad Rizal di talian 03-78765515.

-- BERNAMA

SHI AHH RHM